

05 AUG 1998

23 KONTRAKTOR BANTAH PEMBATALAN MESYUARAT PKMPP

PULAU PINANG, 5 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 23 anggota Persatuan Kontraktor Melayu Pulau Pinang (PKMPP) hari ini membantah tindakan persatuan induknya, Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) yang membatalkan mesyuarat agong PKMPP baru-baru ini.

Wakil 23 kontraktor itu yang juga bekas Yang Dipertua PKMPP Md Ibrahim Md Ismail memberitahu pemberita di sini, hari ini, PKMM yang membatalkan mesyuarat agong itu atas alasan meragui kesahihan keahlian beberapa anggotanya adalah tidak tepat dan tidak munasabah.

Isu kesahihan keahlian tidak timbul kerana kesemua anggota persatuan yang menyertai PKMPP mempunyai sijil keahlian yang sah dan mereka turut menjelaskan yuran keahlian serta diberi resit.

Manakala mereka yang menawarkan diri untuk bertanding bagi jawatan anggota jawatankuasa pula diberi surat pencalonan dan ditandatangani oleh Setiausaha Kehormat PKMPP ketika itu, kata Ibrahim.

Sehubungan itu, beliau menggesa agar PKMM dapat menarik balik arahan pembatalan mesyuarat PKMPP bagi mengelakkan perkara itu berlanjutan memandangkan persatuan induk itu akan mengadakan mesyuarat agongnya pada 20 Ogos ini dan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

PKMPP mempunyai 112 anggota yang disertai oleh para kontraktor Melayu dari pelbagai kelas dan pada mesyuarat pemilihan 4 April lepas, Ibrahim menewaskan Yang Dipertuanya Ismail Zakarya dengan kelebihan 15 undi.

-- BERNAMA

AA PR